

21 JUL 2002

DR MAHATHIR TURUT NYANYIKAN "MY WAY"

JITRA, 21 Julai (Bernama) -- Apabila penyanyi Roy mendendangkan lagu "My Way" di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di sini hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminati lagu itu turut serta menyanyikannya.

Bagaimanapun nyanyian "berduet" oleh Dr Mahathir hanyalah secara senyap dengan mengkumat-kamitkan mulutnya mengikut senikata lagu yang dinyanyikan Roy pada awal majlis sempena Konvensyen K3P Kebangsaan di padang Institut Latihan Perindustrian Jitra.

Lagu popular tahun 60-an itu dinyanyikan oleh Frank Sinatra.

"Sebenarnya, saya boleh menyanyi lebih baik daripada Roy dan Siti. Kesian, kalau saya nyanyi mereka tak ada kerja pulak. Jadi saya tumpu pada berucap politik sahajalah," kata Dr Mahathir secara berseloroh apabila memulakan ucapannya selepas itu.

Siti Nurhaliza turut memeriahkan majlis itu dengan mendendangkan lagu "Pahlawanku" dan "Di Mana Kan Ku Cari Ganti".

Sejak Dr Mahathir mengumumkan rancangannya untuk mengundurkan diri dari kerajaan, lagu "Di Mana Kan Ku Cari Ganti" yang dipopularkan oleh Allahyarham Tan Sri P. Ramlee pasti akan dimainkan di majlis-majlis yang dihadiri oleh Perdana Menteri di Kedah.

Ini termasuk setiap kali sewaktu ketibaan Dr Mahathir di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat sini.

-- BERNAMA

JM JM MOZ